

PEMERKASAAN PENDIDIKAN LITERASI MEDIA UNTUK PENYERTAAN POLITIK BELIA DALAM KONTEKS MALAYSIA

PROMOTING MEDIA LITERACY EDUCATION FOR YOUTH POLITICAL PARTICIPATION IN THE MALAYSIAN CONTEXT

Mohd Sufiean Hassan^{1,a*}, Siti Nurshahidah Sah Allam^{2,b}, Abdul Rauf Ridzuan^{3,c}, Siti Nur
Izyandiyana Ab Hadi^{4,d} & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim^{5,e} and Rizky Hafiz Chaniago^{6,f}

¹Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

²Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

³Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

⁴Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

⁵Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

⁶Faculty of Economics & Social Sciences, Universitas Bakrie, Indonesia

^amohdsufiean@uitm.edu.my

^bshahidah321@uitm.edu.my

^cabdrauf@uitm.edu.my

^dizyandiyana@uitm.edu.my

^eafzaliza@uitm.edu.my

^fr_chaniago@hotmail.com

*Corresponding Author: mohdsufiean@uitm.edu.my

Abstrak: Isu literasi media dalam kalangan belia merupakan kemahiran penting yang membolehkan individu menganalisis dan menilai secara kritis mesej. Tahap literasi media yang rendah dalam kalangan belia boleh memberi kesan negatif kepada penglibatan dan penyertaan politik mereka. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap literasi media yang lebih tinggi akan lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik dan terlibat dengan isu politik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi media dalam kalangan belia di Malaysia bagi menentukan keupayaan mereka menilai mesej politik dan membuat keputusan tepat. Kajian ini melibatkan 388 pelajar melalui persampelan rawak. Data dikumpul melalui set soal selidik yang telah sah diuji kebolehpercayaannya dan dianalisis menggunakan pakej statistik SPSS versi 26. Keputusan menunjukkan secara keseluruhan tahap literasi media di kalangan belia di Malaysia berada di tahap sederhana dengan nilai mean 4.47 ($SP = 1.134$). Dimensi akses mencatatkan skor paling tinggi dengan nilai min 4.96 dan sisihan piawai 1.12. Manakala tindakbalas mencatatkan skor min paling rendah dengan nilai min 4.14 dan sisihan piawai 1.39.

Keywords: Literasi Media, Belia, Malaysia, Penyertaan Politik, Media Sosial

Abstract

The matter of media literacy in youth is a crucial competency that enables them to critically assess and analyse messages. Insufficient media literacy among the youth may adversely affect their engagement and participation in political matters. Research has shown that individuals

with higher levels of media literacy will be more likely to participate in political activities and engage with political issues. This study aims to identify the level of media literacy among the youth in Malaysia to determine their ability to evaluate political messages and make accurate decisions. This study involved 388 students through random sampling. Data was collected through a set of questionnaires that had been validated for reliability and analysed using the statistical package SPSS version 26. The results showed that the overall level of media literacy among the youth in Malaysia was at a moderate level, with a mean value of 4.47 (SP = 1.134). The access dimension recorded the highest score, with a mean value of 4.96 and a standard deviation of 1.12. While the response recorded the lowest mean score with a mean value of 4.14 and a standard deviation of 1.39.

Keywords: Media Literacy, Youth, Malaysia, Political Participation, Social Media

1. Pengenalan

Literasi media ialah kemahiran penting yang membolehkan individu menganalisis dan menilai secara kritis mesej yang disampaikan oleh saluran media. Dalam konteks sistem politik Malaysia, literasi media begitu penting berikutan belia yang semakin aktif melibatkan diri dengan isu politik melalui platform media sosial. Walau bagaimanapun, tahap rendah literasi media dalam kalangan belia Malaysia, mungkin menghalang keupayaan mereka untuk menilai mesej politik dan membuat keputusan tepat.

Kajian yang dijalankan oleh Institut Kewangan Asia (AIF) pada 2020 mendapati hanya 12% belia Malaysia mempunyai tahap literasi media yang tinggi. Kajian itu juga mendedahkan bahawa golongan muda Malaysia sangat bergantung pada platform media sosial sebagai sumber utama berita mereka dan sering bergelut untuk membezakan antara fakta dan pendapat dalam berita (AIF, 2020).

Tahap literasi media yang rendah dalam kalangan belia Malaysia boleh memberi kesan negatif kepada penglibatan dan penyertaan politik mereka. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap literasi media yang lebih tinggi lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik dan terlibat dengan isu politik (Livingstone & Lunt, 2014). Tanpa keupayaan untuk menilai secara kritis mesej media, belia Malaysia mungkin lebih terdedah kepada maklumat salah dan propaganda politik, yang boleh mengurangkan lagi penyertaan politik mereka.

Untuk menangani isu literasi media yang rendah di kalangan belia Malaysia, terdapat gesaan agar pendidikan literasi media disepadukan ke dalam kurikulum kebangsaan. Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf kepentingan pendidikan literasi media dan merancang untuk memperkenalkannya ke dalam kurikulum kebangsaan dalam masa terdekat (Bernama, 2020). Pendidikan literasi media boleh membantu golongan muda Malaysia membangunkan kemahiran pemikiran kritis dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengemudi landskap media yang kompleks dan membuat keputusan termaklum.

Walaupun pendidikan literasi media merupakan langkah penting ke arah menggalakkan literasi media di kalangan belia Malaysia, terdapat cabaran yang perlu ditangani. Sebagai contoh, mungkin terdapat kekangan daripada pendidik yang kurang pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar literasi media dengan berkesan. Selain itu, mungkin terdapat kekurangan sumber dan pembiayaan untuk menyokong inisiatif pendidikan literasi media (Chin, 2020).

Kekurangan literasi media dalam kalangan belia dalam sistem politik Malaysia menyerlahkan keperluan untuk meningkatkan perhatian terhadap isu ini. Dengan

mempromosikan pendidikan literasi media, penggubal dasar boleh membantu belia Malaysia membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengemudi landskap media yang kompleks dan melibatkan diri secara bermakna dalam proses politik. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukur tahap literasi media golongan muda terhadap amalan integriti penyertaan politik berpandukan kepada dimensi literasi media yang diketengahkan oleh Hobb (2010) iaitu Akses, Analisis dan Penilaian, Tindak balas dan Tindakan.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai medium pengumpulan data. Soal selidik menggunakan skala likert tujuh sela bermula dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 7 (sangat setuju). Seramai 388 pelajar terlibat dalam kajian ini melalui persampelan rawak. Ujian rintis dilakukan sebelum meneruskan pengumpulan data akhir untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrument menggunakan pakej statistik SPSS versi 26. Alpha Cronbach bagi kelima-lima pemboleh ubah adalah di atas 0.70, menunjukkan ketekalan dalaman yang baik (Hair et al., 2010).

2.1 Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini dikumpulkan dan disusun dari instrumen yang telah sah diuji kebolehpercayaannya berdasarkan tinjauan literatur mengenai literasi media. Pengkaji mengadaptasi skala Literasi Media Baru (New Media Literacy (NMLS)) yang dibangunkan oleh Koc & Barut (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk Development and validation of New Media Literacy Scale (NMLS) for university students. Skala mereka dijadikan dasar kepada pembinaan instrumen kajian. NMLS ialah skala mengukur pembelajaran dan kemahiran-kemahiran penting yang perlu diketahui dan diamalkan oleh masyarakat dalam kehidupan dan komunikasi melalui medium media baru.

3. Dapatan kajian

Jadual 1, menunjukkan majoriti responden adalah perempuan iaitu 223 (57.5%) manakala responden lelaki berjumlah 165 (42.5%). Dari segi umur 21 hingga 23 tahun merupakan responden yang paling ramai iaitu 213 (54.9%) berbanding umur 18 hingga 20 dan 27 hingga 29 masing-masing seramai 37 (9.5%) manakala responden yang berumur 30 ke atas seramai 13 (3.4%). Majoriti responden adalah bujang iaitu seramai 338 (87.1%) dan yang telah berkahwin seramai 38 (9.8%).

Bagi pemboleh ubah agama pula majoriti responden adalah beragama islam iaitu seramai 290 orang atau 74.7% diikuti dengan Kristian seramai 39 (10.1%), Buddha 36 (9.3%), Hindu 17 (4.4%) dan lain-lain seramai 6 (1.5%). Manakala bagi pemboleh ubah kaum, majoriti responden adalah dari kaum melayu iaitu seramai 286 (73.7%) diikuti kaum Cina seramai 66 (17.0), India 19 (4.9%) dan lain-lain seramai 17 orang atau 4.4 peratus. Dari segi pendidikan, majoriti responden adalah pemegang diploma iaitu seramai 232 (59.8%) diikuti Ijazah seramai 124 (32.0%) dan Matrikulasi seramai 14 (3.6%). Manakala responden yang berkelulusan STPM dan Pra-Diploma masing-masing seramai 10 orang atau 2.6 peratus.

Jadual 1. Profil Demografik

Pemboleh ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	165	42.5
Perempuan	223	57.5
Umur		
18-20	37	9.5
21-23	213	54.9
24-26	88	22.7
27-29	37	9.5
30 ke atas	13	3.4
Status		
Bujang	338	87.1
Berkahwin	38	9.8
Lain-Lain	12	3.1
Agama		
Islam	290	74.7
Kristian	39	10.1
Buddha	36	9.3
Hindu	17	4.4
Lain-lain	6	1.5
Kaum		
Melayu	286	73.7
Cina	66	17.0
India	19	4.9
Lain-lain	17	4.4
Pendidikan		
STPM	10	2.6
Matrikulasi	14	3.6
Pra-Diploma	10	2.6
Diploma	232	59.8

Ijazah	124	32.0
IPT		
UiTM	136	35.1
UTeM	99	25.5
MMU	100	25.8
KUIM	53	13.7
Berapa kerap anda menggunakan media sosial dalam satu hari?		
1-2 kali	24	6.2
3-5 kali	80	20.6
6-10 kali	93	24.0
Lebih 10 kali	191	49.2
Berapa lamakah anda habiskan masa untuk mengemas kini akaun media sosial?		
1-30 minit	115	29.6
31 minit-1jam	98	25.3
1jam- 2jam	85	21.9
Lebih 3jam	90	23.2
Total	388	100

3.1 Analisis Statistik Deskriptif

Jadual 2 menunjukkan cara pembahagian skala Likert tujuh mata kepada skala tahap min. Skala Likert tujuh mata terdiri daripada skor 1 hingga 7. Untuk mengira perbezaan sela bagi mendapatkan min yang dipecahkan kepada tiga kategori iaitu min rendah, sederhana dan tinggi, maka skor 7 ditolak dengan skor 1 dan dibahagi dengan 3. Oleh itu, sela bagi setiap min adalah di antara 2.0. Tahap min yang rendah berada pada 1.00 hingga 3.00, tahap min sederhana berada pada sela 3.01 hingga 5.01 manakala tahap min tinggi pula berada pada 5.02 hingga 7.00 seperti dalam jadual 4.2 di bawah.

Jadual 2. Julat Skor Min

Skala Min	Tahap
1.00 hingga 3.00	Rendah
3.01 hingga 5.01	Sederhana
5.02 hingga 7.00	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan dapatan analisis deskriptif bagi setiap item yang terkandung dalam kontruk akses. Keputusan analisis ini menunjukkan item no 4, “Saya mahir dalam

menggunakan aplikasi search untuk mencari maklumat di media sosial” mencatatkan skor min paling tinggi dengan nilai 5.22 dan sisihan piawai 1.32 manakala skor min terendah ialah item no 7, “Saya mampu mengenal pasti pendapat dan pandangan yang bermoral mengenai isu politik di media sosial” dengan nilai 4.71, dan sisihan piawai 1.49.

Jadual 3. Nilai min dan sisihan piawai bagi akses dalam kalangan golongan muda

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya mahir dalam mengakses rangkaian media sosial (sign up, log in dan sent message).	5.16	1.52
2.	Saya cekap dalam menggunakan tools di media sosial.	4.99	1.40
3.	Saya cekap dalam menggunakan media sosial (memuat naik dan memuat turun video, edit gambar, dsb).	5.01	1.34
4.	Saya mahir dalam menggunakan aplikasi <i>search</i> untuk mencari maklumat di media sosial	5.22	1.32
5.	Saya mampu menggunakan pelbagai media sosial untul mencari maklumat politik	4.73	1.54
6.	Saya mampu mengakses media sosial yang sesuai berdasarkan keperluan dan tujuan seperti berkomunikasi, mencari rakan, dan bermain online game.	4.89	1.46
7.	Saya mampu mengenal pasti pendapat dan pandangan yang bermoral mengenai isu politik di media sosial	4.71	1.49

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi item dalam konstruk analisis dan penilaian. Item no 1, “*Saya mampu menentukan sama ada kandungan maklumat politik di media sosial bermoral atau tidak bermoral*” merupakan item yang mendapat skor tertinggi dengan nilai min 4.84 dan sisihan piawai 1.61 manakala skor terendah adalah item bernombor 3, 4 dan 5 dengan masing-masing memperoleh skor yang sama bagi min (4.57). Sisihan piawai bagi item no 3, 4 dan 5 masing-masing dengan nilai 1.49, 1.53 dan 1.50.

Jadual 4. Nilai min dan sisihan piawai bagi analisis dan penilaian dalam kalangan golongan muda

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mampu menentukan sama ada kandungan maklumat politik di media sosial bermoral atau tidak bermoral.	4.84	1.61
2.	Saya mampu membandingkan maklumat politik dari satu sumber ke sumber yang lain di media sosial	4.65	1.55

3.	Saya mampu membandingkan maklumat di media sosial dengan kefahaman politik sendiri	4.57	1.49
4.	Saya mempertimbangkan untuk menggunakan media sosial yang mempunyai jumlah like, comment, share yang tinggi.	4.57	1.53
5.	Saya mampu membuat keputusan terhadap kesahihan dan ketepatan maklumat politik di media sosial.	4.57	1.50
6.	Saya mampu menganalisis kesan negatif (terlibat penipuan, fitnah, hasutan) daripada penggunaan sumber maklumat politik di media sosial.	4.65	1.45
7.	Saya mampu menilai media sosial yang beretika, bermoral dan berintegriti dalam menyebarkan maklumat politik.	4.70	1.45

Berdasarkan Jadual 5 item bernombor 1 “*Mudah bagi saya mewujudkan akaun dan mengisi maklumat profil di media sosial*” mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.86 dan sisihan piawai 1.52 manakala soalan no 4, “*Saya mampu memberi pendapat, komen dan idea daripada maklumat politik yang dikongsikan oleh pengguna media sosial yang lain*” mencatatkan nilai min paling rendah dengan bacaan sebanyak 4.18 dan sisihan piawai 1.67.

Jadual 5. Nilai min dan sisihan piawai bagi **penciptaan** dalam kalangan golongan muda

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Mudah bagi saya mewujudkan akaun dan mengisi maklumat profil di media sosial.	4.86	1.52
2.	Saya mampu mencipta kandungan media yang interaktif (teks, audio, video) di media sosial.	4.69	1.41
3.	Saya mahir berkongsi maklumat politik di media sosial dengan pengguna yang lain.	4.20	1.70
4.	Saya mampu memberi pendapat, komen dan idea daripada maklumat politik yang dikongsikan oleh pengguna media sosial yang lain.	4.18	1.67
5.	Saya menggunakan sumber maklumat di media sosial untuk menghasilkan pendapat, komen dan idea kepada pengguna media sosial yang lain.	4.40	1.56
6.	Data yang diperoleh seperti statistik, dokumen arkib dan fakta bernombor di media sosial membantu saya menghasilkan maklumat politik yang terkini/ sahih.	4.30	1.64
7.	Saya menghasilkan maklumat/ berita/ rencana politik secara beretika seperti mementingkan kesahihan sumber.	4.19	1.63

Jadual 6 menunjukkan item no 2, “*Saya mengabaikan maklumat/ berita/ rencana politik yang tidak sahih daripada dikongsi bersama netizen*” merupakan item yang mendapat skor tertinggi dengan nilai min 4.57 dan sisihan piawai 1.67 manakala skor min terendah adalah item bernombor 5 dengan nilai 3.94 dan sisihan piawai 1.72.

Jadual 6. Nilai min dan sisihan piawai bagi **tindak balas** dalam kalangan golongan muda

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mampu memberi sumbangan kepada lapangan perbincangan di media sosial dengan menganalisis isu politik daripada perspektif yang berbeza.	3.99	1.89
2.	Saya memastikan tindakan memuat naik maklumat/ berita/ rencana politik tidak bercanggah dengan ajaran agama.	4.57	1.67
3.	Saya mengabaikan media sosial yang menyebarkan maklumat politik secara tidak bermoral, beretika dan berintegriti.	3.98	1.83
4.	Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya untuk menyertai aktiviti politik secara online (forum online, diskusi bersama pemimpin politik).	4.52	1.64
5.	Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya melibatkan diri dalam aktiviti politik (menghadiri ceramah politik, kempen, persidangan dsb).	3.94	1.72
6.	Saya mengabaikan maklumat/ berita/ rencana politik yang tidak sahih daripada dikongsi bersama netizen.	3.96	1.68

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi item dalam konstruk tindakan. Item no 6, “*Saya tidak share, comment atau like maklumat politik tidak bermoral, beretika dan berintegriti yang disebarkan oleh pengguna media sosial yang lain*” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu 4.66 dan sisihan piawai 1.64. daripada tujuh item dalam konstruk tindakan item no 1, “*Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya melibatkan diri dalam aktiviti politik (menghadiri ceramah politik, kempen, persidangan dsb)*” menunjukkan min paling rendah iaitu 3.90, media 4.0 dan sisihan piawai 1.73.

Jadual 7. Nilai min dan sisihan piawai bagi **tindakan** dalam kalangan golongan muda

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya memuat naik maklumat/ berita/ rencana politik yang sahih untuk dikongsi bersama netizen.	3.90	1.73
2.	Saya akan memberi maklum balas positif terhadap entri/ komen yang berunsur negatif mengenai isu politik di media sosial.	3.93	1.67

3.	Saya tidak share, comment atau like maklumat politik tidak bermoral, beretika dan berintegriti yang disebarkan oleh pengguna media sosial yang lain.	4.00	1.64
4.	Saya mampu berinteraksi dengan pengguna media sosial yang lain bagi membincangkan isu politik.	4.01	1.64
5.	Saya menyertai entri yang membincangkan isu atau skandal politik di media sosial.	4.45	1.60
6.	Saya akan melaporkan salah laku di media sosial kepada pihak berkuasa (SKMM dan PDRM).	4.66	1.64

Analisis deskriptif bagi **konstruk literasi media** iaitu akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas dan tindakan di dalam Jadual 8 mendapati bahawa akses mencatatkan skor paling tinggi dengan nilai min 4.96 dan sisihan piawai 1.12. Manakala tindakbalas mencatatkan skor min paling rendah dengan nilai min 4.14 dan sisihan piawai 1.39.

Jadual 8 Nilai min dan sisihan piawai bagi konstruk literasi media

No.	Dimensi	Min	Sisihan Piawai
1.	Akses	4.96	1.12
2.	Analisis dan Penilaian	4.65	0.66
3.	Penciptaan	4.40	1.24
4.	Tindak balas	4.14	1.39
5.	Tindakan	4.21	1.27
Keseluruhan		4.47	1.14

Berdasarkan kepada pengkelasan tahap literasi media dalam kalangan golongan muda, didapati bahawa nilai min keseluruhan bagi tahap literasi media dalam kalangan golongan muda adalah 4.47 (SP = 1.134), iaitu berada pada tahap literasi media yang sederhana.

4. Perbincangan dan kesimpulan

Literasi media memainkan peranan penting dalam membolehkan belia mengambil bahagian secara berkesan dalam sistem politik negara mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap literasi media dalam kalangan belia di Malaysia adalah sederhana. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam menggunakan platform media digital, mereka kekurangan pemikiran kritis dan kemahiran analitikal untuk menilai maklumat yang mereka hadapi. Ini membimbangkan, memandangkan landskap politik di Malaysia adalah kompleks, dengan sejarah skandal politik dan kontroversi.

Beberapa faktor menyumbang kepada tahap sederhana literasi media dalam kalangan belia di Malaysia. Pertama, kurangnya penekanan terhadap pendidikan literasi media dalam sistem pendidikan formal. Walaupun terdapat kemasukan literasi media dalam kurikulum kebangsaan, pelaksanaannya kekal minimum, dan terdapat kekurangan pendidik terlatih untuk

menyampaikan kandungan dengan berkesan. Kedua, pengaruh media sosial terhadap tabiat penggunaan maklumat belia, yang sering mendedahkan mereka kepada maklumat yang salah, propaganda, dan ucapan benci. Akhir sekali, kurangnya kempen kesedaran literasi media yang menyasarkan golongan belia secara khusus.

Kesan tahap literasi media yang sederhana dalam kalangan belia di Malaysia adalah jelas dalam penyertaan politik mereka. Peratusan keluar mengundi yang rendah dalam kalangan belia pada pilihan raya umum 2018 mencerminkan pemisahan mereka dengan proses politik. Tambahan pula, kemunculan berita palsu dan maklumat salah semasa tempoh pilihan raya menyerlahkan keperluan untuk meningkatkan literasi media dalam kalangan belia bagi membolehkan mereka membuat keputusan termaklum.

Bagi menangani isu literasi media yang rendah dalam kalangan belia di Malaysia, pelbagai intervensi perlu dilakukan. Pertama, perlu ada usaha bersepadu untuk meningkatkan pelaksanaan pendidikan literasi media di sekolah, kolej dan universiti. Ini boleh dicapai dengan melatih para pendidik mengenai literasi media dan menyediakan mereka dengan bahan pengajaran yang berkaitan. Kedua, platform media sosial perlu bertanggungjawab terhadap peranan mereka dalam menyebarkan maklumat salah dan propaganda dengan memperkenalkan langkah-langkah seperti semakan fakta dan pelabelan berita palsu. Akhir sekali, kempen kesedaran literasi media yang disasarkan khusus kepada belia perlu dibangunkan dan dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan literasi media dalam penyertaan politik.

Kesimpulannya, literasi media adalah aspek penting dalam penyertaan politik belia di Malaysia. Tahap literasi media yang sederhana dalam kalangan belia di Malaysia membimbangkan, kerana ia menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat keputusan termaklum dan melibatkan diri secara bermakna dalam proses politik. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan pendidikan literasi media, memerangi maklumat salah di media sosial, dan meningkatkan kesedaran literasi media dalam kalangan belia di Malaysia.

5. Cadangan

Berdasarkan perbincangan, adalah disyorkan bahawa kerajaan Malaysia mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan literasi media dalam kalangan belia, termasuk membangunkan dasar dan program literasi media, memasukkan literasi media ke dalam kurikulum sekolah, dan menyediakan latihan dan sumber untuk pendidik. Selain itu, parti politik dan pemimpin juga harus menggunakan platform media sosial untuk melibatkan diri dengan golongan muda dan memberikan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai mengenai isu politik. Ini boleh menggalakkan penyertaan politik belia yang lebih besar di Malaysia dan membawa kepada warganegara yang lebih berpengetahuan dan terlibat.

6. Penghargaan

Penerbitan makalah ini dibiayai Skim Geran TEJA UiTM Melaka (GDT2023/1-3).

Rujukan

- Asian Institute of Finance. (2020). Financial literacy and digital competency of youth in Malaysia. Retrieved from <https://www.aif.org.my/resources/research/financial-literacy-and-digital-competency-of-youth-in-malaysia/>
- Chin, C. (2020). The need for media literacy education in Malaysia. *The Sun Daily*. Retrieved from <https://www.thesundaily.my/opinion/the-need-for-media-literacy-education-in-malaysia-FA2615559>
- Livingstone, S., & Lunt, P. (2014). Mediated moments of political participation: Online and offline experiences of youth during the 2010 UK general election. *Journal of Youth Studies*, 17(5), 596-612.
- Koc, M., & Barut, E. (2016). Development and validation of New Media Literacy Scale (NMLS) for university students. *Computers in Human Behavior*, 63(October 2016), 834–843. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2016.06.035>
- Hobbs, R. (2010). *Digital and Media Literacy: A Plan of Action. A White Paper on the Digital and Media Literacy Recommendations of the Knight Commission on the Information Needs of Communities in a Democracy*. Aspen Institute. 1 Dupont Circle NW Suite 700, Washington, DC 20036.
- Bernama. (2020, June 26). Media literacy education to be introduced in national curriculum soon. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/601998/media-literacy-education-be-introduced-national-curriculum-soon>